

☒ Utusan Malaysia
☐ Mingguan Malaysia
Tarikh: 14/6/2012
Hari: KHAMIS
Ruangan: DA-AM NEGERI

MEF sambut baik umur baru persaraan swasta



SHAMSUDDIN

KUALA LUMPUR 13 Jun - Langkah kerajaan meningkatkan umur persaraan wajib pekerja swasta dilihat perlu dikuatkuasakan memandangkan jangka hayat rakyat negara ini telah meningkat sehingga melebihi usia 70 tahun.

Pengarah Eksekutif Persekutuan Majikan-Majikan Malaysia (MEF), Shamsuddin Bardan berkata, penganalan Rang Undang-Undang Umur Persaraan Minimum 2012 yang dibentangkan

kan di Dewan Rakyat adalah langkah terbaik dalam mengurangkan bebanan kerajaan pada masa depan.

"Langkah menaikkan umur bersara wajib ini sesuatu yang baik kerana jangka hayat sudah meningkat tidak seperti di tahun 1950-an dahulu.

"Negara-negara di rantai Asia Tenggara lain juga telah ada yang menaikkan usia persaraan ini seperti Singapura latta 60 tahun," katanya ketika

dihubungi Utusan Malaysia di sini.

Beliau mengulas mengenai pembacaan kali pertama Rang Undang-Undang Umur Persaraan Minimum 2012 oleh Menteri Sumber Manusia, Datuk Seri Dr. S. Subramaniam di Dewan Rakyat hari ini yang menggariskan seseorang majikan tidak boleh membesarkan secara premasa seorang pekerja yang belum mencapai umur persaraan minimum apabila

ia dikuatkuasakan.

Sementara itu, profesor Ekonomi di Fakulti Ekonomi, Kewangan dan Perbankan, Universiti Utara Malaysia (UUM), Prof. Datuk Amir Baharuddin berkata, langkah meningkatkan usia persaraan itu dapat memberikan ruang kepada para pekerja untuk menstabilkan ekonomi selepas bersara.

Ini kerana katanya, dengan peningkatan itu para pekerja boleh meman-

jangkan tempoh caruman kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) yang semestinya memberikan pulangan yang lebih besar kepada para pesara kelak.

"Melalui caruman yang panjang itu, ia sudah semestinya memberikan ruang kepada para pekerja untuk menstabilkan ekonomi mereka dan isi rumah masing-masing, sekali gus meningkatkan kuasa beli," jelasnya.